

PENGURUSAN KRAFTANGAN TRADISI ETNIK DUSUN TINDAL DI SABAH

THE TRADITIONAL HANDICRAFT MANAGEMENT OF DUSUN TINDAL ETHNIC IN SABAH

Salbiah Kindoyop^{1*},
Nurul Aisyah Othman²

¹Universiti Malaysia Sabah, Sabah, Malaysia

²Politeknik Ibrahim Sultan, Johor, Malaysia

salbiah.bea@ums.edu.ny*

Dihantar/Received: 28 July 2023 | Penambahbaikan/Revised: 15 August 2023

Diterima/Accepted: 20 October 2023 | Terbit/Published: 20 December 2023

DOI: <https://doi.org/10.51200/ga.v13i2.4734>

ABSTRAK

Etnik Dusun Tindal merupakan salah satu rumpun Kadazandusun yang menetap di daerah Kota Belud Sabah. Etnik ini kaya dengan amalan budaya dan adat tradisi yang masih diwarisi sehingga kini. Antara warisan yang masih diamalkan adalah penghasilan seni kraf tangan tradisi. Daerah Kota Belud yang kaya dengan sumber alam seperti pokok bambu, rotan, tumbuhan dan tanah liat menjadi pendorong kepada masyarakatnya untuk menghasilkan produk-produk kraf tangan tradisi yang bersumberkan alam semula jadi. Antara seni kraf tradisi yang dihasilkan adalah bakul *nurod* dan *sisiri*, *wakid*, *basung*, *sirung*, *barait*, *kinulung*, *kobog* dan *kuron*. Penghasilan produk kraf tradisi ini melalui proses pengurusan daripada tukang kraf sehinggalah proses penjualan yang melibatkan pengusaha dan Perbadanan Kemajuan Kraftangan Sabah. Ketiga-tiga kumpulan ini saling berperanan dalam pengurusan Kraftangan dalam penghasilan produk, penjualan, pemasaran dan pengkomersialannya. Kajian yang berasaskan kerja lapangan dilakukan melalui pemerhatian dan temu bual untuk mengumpul maklumat kraftangan etnik Dusun Tindal Kota Belud dengan memberi tumpuan kepada tukang kraf, pengusaha kraf dan peranan Perbadanan Kemajuan Kraftangan Sabah. Hasil analisis mendapati bahawa tukang kraf, pengusaha kraf serta Perbadanan Kemajuan Kraftangan Sabah adalah kumpulan yang terlibat dalam pengurusan seni kraf tradisi ini. Oleh itu, pengkaji merumuskan bahawa pengurusan seni kraftangan dalam kajian ini penting untuk dokumentasi ke arah inovasi dan kemajuan hasil produknya.

Kata kunci: Pengurusan seni, Kraftangan, Etnik, Budaya, Dusun Tindal.

ABSTRACT

The Tindal Dusun ethnic group is one of the Kadazandusun clans that reside in the Kota Belud district of Sabah. This ethnicity is rich in cultural practices and traditional customs that are still inherited today. Among the heritage that is still practiced is the production of traditional handicrafts. The district of Kota Belud, which is rich in natural resources such as bamboo trees,

rattan, plants and clay, is an incentive for its people to produce traditional handicraft products that are sourced from nature. Among the traditional crafts produced are nurod and sisiri baskets, wakid, basung, sirung, barait, kinulung, kobog and kuron. The production of this traditional craft product goes through a management process from the craftsman to the sales process involving entrepreneurs and the Sabah Craft Development Corporation. These three groups mutually play a role in the management of Handicrafts in product production, sales, marketing and commercialization. A study based on fieldwork was conducted through observation and interviews to collect information on the ethnic handicrafts of Dusun Tindal, Kota Belud, focusing on craftspeople, craft operators and the role of the Sabah Crafts Development Corporation. The results of the analysis found that craftspeople, craft operators and the Sabah Crafts Development Corporation are groups involved in the management of this traditional craft art. Therefore, the researcher concludes that the management of handicraft art in this study is important for documentation towards innovation and the progress of its products.

Keywords: Art Management, Handicraft, Ethnic, Culture, Dusun Tindal

PENGENALAN

Sabah terkenal dengan warisan budaya ketara dalam penghasilan seni kraf tradisi seperti kraf sulaman, kraf anyaman dan kraf tembikar. Hasil seni kraf ini telah dikomersilkan di bawah perbadanan pembangunan Kraftangan bersama pengusaha kraf tempatan. Pengurusan seni kraf tradisi di Sabah perlu dilakukan untuk mengembangkan kualiti dan hasil produk kraf agar mampu bersaing dengan pasaran luar. Hal ini kerana hasil kraf atau produk tersebut mempunyai keunikan tersendiri melalui teknik penghasilan dan reka bentuk yang menjadi kebanggaan masyarakat yang menghasilkannya.

Reka bentuk yang dihasilkan juga mempunyai keunikan dan hubung kait dengan budaya dalam kehidupan mereka. Keunikan ini telah menjadikan seni kraf tempatan dapat dipasarkan dan para pembuatnya kekal menghasilkan sehingga kini. Walaupun pelbagai kekangan seperti persaingan dengan produk moden dan kekurangan tenaga penghasilnya namun, produk tempatan ini masih aktif dihasilkan. Oleh itu, dalam artikel ini, penulis menghuraikan pengurusan kraftangan dari segi proses pembuatan, promosi jualan dan peringkat pengurusan seperti perancangan, organisasi, pelaksanaan, koordinasi dan pengawalan.

Bagi memperoleh data kajian yang berkaitan dengan pengurusan seni kraf tradisi etnik Dusun Tindal di Sabah, pengkaji telah menjalankan kerja lapangan daerah Kota Belud, Kraftangan cawangan Kota Kinabalu dan kawasan penjualan kraftangan di sekitar negeri Sabah. Kaedah kajian juga adalah melalui pemerhatian dan temu bual kepada informan yang arif tentang pengurusan dan seni kraf tradisi di khususnya di Sabah. Antara informan yang diberikan tumpuan ialah tukang kraf daripada etnik Dusun Tindal Kota Belud, pengusaha kraf tempatan dan kakitangan Perbadanan Kraf tangan Sabah.

SOROTAN LITERATUR

Pengurusan mempunyai pengertian yang luas dan berbeza mengikut pendapat para penyelidik. Menurut Cek Mat (2007), pengurusan merupakan proses yang digunakan oleh seseorang pengurus dalam usahanya untuk mencapai matlamat. Pengurusan juga boleh didefinisikan sebagai proses perancangan, pengorganisasian, pengarahan dan pengawalan. Shaladdin, Wan dan Muhammad Abi (2011), turut membuat penyelidikan kraf tangan yang bertajuk 'Usahawan

kraf di Malaysia: analisa laluan terhadap perhubungan inovasi produk, komitmen perniagaan dan perkembangan perniagaan'. Penyelidikan ini bertujuan untuk mengukur aras perhubungan di antara inovasi produk dan komitmen perniagaan dan perkembangan perniagaan melalui analisa regresi pelbagai dan model laluan. Secara keseluruhannya, hasil kajian mendapati faktor-faktor di bawah inovasi produk mempunyai perhubungan yang signifikan dengan komitmen perniagaan. Manakala, komitmen perniagaan juga menunjukkan dapatan yang signifikan terhadap perhubungan dengan perkembangan perniagaan.

Oleh itu, dapatan menjadi lebih menarik apabila kesemua faktor di bawah inovasi produk tidak menunjukkan perhubungan yang signifikan terhadap perkembangan perniagaan. Justeru itu, komitmen perniagaan memainkan peranan yang penting kepada usahawan kraf sebagai angkubah perantaraan di antara keempat-empat angkubah bebas dengan angkubah yang bersandar. Kesan yang muncul daripada penyelidikan ini telah mendedahkan bahawa komitmen perniagaan amat memainkan peranan yang penting kepada usahawan kraf di bawah kraf tangan Malaysia untuk membina pengetahuan usahawan kraf terhadap kepentingan inovasi produk dan hubungannya dengan pengurusan kraftangan.

Seterusnya kajian tentang produk kraf tangan etnik peribumi di Sabah pula telah dilakukan oleh beberapa penyelidik seperti Ismail dan Jane (2002), buku yang bertajuk *Warisan Seni Etnik Sabah*. Dalam buku tersebut, terdapat beberapa tajuk yang telah dihuraikan seperti, tembikar Sabah, alat muzik tradisional gong di Kota Belud, tenunan textail seperti kain dasar, kain *Mugah*, kain *sambitan* dan *linangkit*. Selain itu, huraian mengenai kraf anyaman dan kraf manik dari segi reka bentuk dan motif juga telah ditulis di dalam buku ini.

PENDEKATAN TEORI

Menurut Hill dan Jones (2001), definisi strategi pengurusan secara tradisional menekankan bahawa strategi sesebuah organisasi adalah hasil daripada peranan yang rasional. Komponen-komponen utama dalam proses strategi pengurusan termasuklah misi dan matlamat utama dengan mengambil kira keadaan persekitaran dari luar dan dalam sesebuah organisasi. Seseorang pengurus besar dalam sesebuah organisasi harus memiliki strategi yang baik untuk kebaikan organisasi yang berada di bawah kawalannya. Peranan seorang pengurus dalam strategi pengurusan disokong oleh David (2002), yang mendefinisikan strategi pengurusan dengan merujuk kepada tindakan seseorang ketua atau pengurus dalam mencapai dan mengekalkan persaingan yang sihat.

Mintzberg (1998) menyenaraikan lima kunci yang penting untuk strategi pengurusan. Kelima-lima kunci yang dimaksudkan oleh penyelidik ini ialah, i) rancangan (*plans*), ii) corak (*patterns*), iii) kedudukan (*positions*), iv) perspektif (*perspectives*), dan v) tindakan yang menguntungkan seseorang (*ploys*). Diwan (2003) pula mengemukakan empat kunci strategi pengurusan, iaitu i) strategi pengurusan persekitaran, ii) strategi kawalan, iii) strategi dalam struktur organisasi, dan iv) pengurus strategi dalam proses penyelenggaraan.

Strategi pengurusan persekitaran merujuk kepada kawalan terhadap keadaan persekitaran yang mempengaruhi keperluan pelanggan. Strategi ini disokong oleh Hill dan Jones (2001), yang menitikberatkan strategi dalam persekitaran globalisasi, yang merangkumi keperluan dan permintaan dalam sebuah kelompok masyarakat yang mempunyai persekitaran yang berbeza. Secara keseluruhannya, strategi persekitaran merujuk kepada kawalan pengeluaran sesuatu produk yang bersesuaian untuk semua aspek seperti, permintaan, kualiti dan kepuasan pengguna.

Strategi atau kawalan dilakukan untuk mengelakkan kerugian dan meningkatkan


keuntungan. Strategi ini dilakukan dalam tempoh yang panjang untuk melakukan penilaian sama ada perniagaan mendapat keuntungan atau sebaliknya. Strategi pengurusan dalam struktur organisasi pula merujuk kepada tugas setiap ahli dalam organisasi untuk melancarkan keberkesanan tugas masing-masing. Setiap ketua dalam bidang organisasi haruslah dipantau agar mereka melaksanakan tugas dan tanggungjawab dengan betul. Pengurus strategi dalam proses penyelenggaraan merujuk kepada suatu kawalan terhadap produk yang dihasilkan atau dipasarkan. Organisasi harus membuat penilaian terhadap produk untuk jangka masa yang panjang bagi mengelakkan sebarang kemungkinan buruk berlaku (Diwan, 2003).

Perancangan strategi adakalanya gagal disebabkan oleh pihak pengurusan yang tidak membuat perancangan untuk menghadapi situasi ketidakpastian (*uncertainty*) (Hill dan Jones, 2001). Strategi pengurusan membina sumber dan keupayaan baharu untuk mewujudkan peluang masa hadapan. Selain perancangan yang sistematik, sesebuah organisasi juga perlu menitikberatkan proses membuat keputusan (*decision-making*). Strategi pengurusan dalam perniagaan menggariskan beberapa prinsip seperti syarikat memperbaiki keberkesanan, meminimumkan kos operasi atau membezakan produk, menghasilkan kualiti terbaik untuk memenuhi kepuasan pengguna, komitmen organisasi dalam pengurusan dan mempunyai fokus yang jelas terhadap pelanggannya (Hill dan Jones, 2001).

Berdasarkan definisi strategi pengurusan yang dikemukakan oleh beberapa orang penyelidik di atas, maka kita boleh rumuskan bahawa strategi pengurusan berkait rapat dengan matlamat keuntungan yang dirancang oleh seseorang peniaga atau syarikat. Strategi pengurusan sangat penting untuk mencapai matlamat yang telah disasarkan oleh seseorang peniaga atau syarikat. Dalam strategi pengurusan, seorang pengurus dijadikan rujukan orang bawahannya untuk melakukan sesuatu tugas yang dapat membawa keuntungan kepada organisasinya. Dengan kata lain, matlamat yang dicapai oleh sesebuah organisasi adalah hasil kejayaan bersama. Oleh itu, kerjasama antara pekerja dan pengurus dalam pelaksanaan strategi pengurusan adalah sangat penting untuk mencapai matlamat yang telah dirancang oleh sesebuah syarikat.

Dalam penyelidikan ini, strategi pengurusan warisan kraf tangan dilakukan dengan membuat satu kompilasi menyusun data-data berkaitan dengan bidang penyelidikan melalui dapatan maklumat di tempat penyelidikan, media massa, internet dan buku rujukan. Penyelidik juga membuat penulisan tentang bidang penyelidikan dengan mengumpul maklumat dan membuat penulisan data secara tersusun agar boleh menjadi maklumat dan rujukan generasi akan datang.

Sumber untuk mendapatkan maklumat adalah berdasarkan penyelidikan terdahulu serta informan yang terdapat di lokasi penyelidikan. Melalui proses ini penyelidik dapat mengumpul maklumat serta dapat membuat analisis terhadap pengurusan seni kraf tangan yang dihasilkan oleh etnik Dusun Tindal.




Rajah 1. Strategi Penyelidikan

Rajah 1 menunjukkan strategi penyelidikan yang menjadi panduan untuk menganalisis strategi pengurusan kraf tangan warisan Dusun Tindal. Analisis penyelidikan strategi pengurusan kraf tangan warisan ini dibahagikan kepada tiga bahagian untuk memenuhi objektif penyelidikan yang telah diutarakan. Pertama, mengkaji pengurusan produk kraf tangan yang dihasilkan, kedua menganalisis strategi pengurusan kraf tangan untuk menghasilkan produk seni yang berkualiti, dan menganalisis teknik-teknik pemasaran produk tempatan.

PERINGKAT PENGURUSAN KRAFTANGAN

Penulis mendapati bahawa terdapat tiga pihak yang berperanan dalam penghasilan kraftangan di Sabah. Peringkat pertama bermula daripada tukang kraf yang menghasilkan produk kraftangan. Peringkat kedua ialah pengusaha kraf yang membeli kemudian menjual kembali produk yang dihasilkan oleh tukang kraf secara borong. Peringkat ketiga ialah Perbadanan Kemajuan Kraf Tangan dan Pelancongan yang menaungi pengusaha kraf dan tukang kraf untuk menghasilkan produk kraf. Selain itu, perbadanan ini juga menganjurkan pameran dan jualan kraf tangan secara besar-besaran.



Rajah 2. Pihak yang Berperanan dalam Industri Kraf Tangan

Rajah 2 menunjukkan tiga pihak yang bertanggung jawab dalam penghasilan, penjualan dan pasaran seni kraf di Sabah. Ketiga-tiga pihak tersebut adalah saling memerlukan dalam pengurusan produk kraf di Sabah. Pihak tukang kraf tidak akan menghasilkan kraf tangan jika tiada permintaan daripada pengusaha kraf atau pemborong. Begitu juga dengan pihak pengusaha, iaitu mereka tidak akan membeli kraf tangan daripada tukang kraf jika tiada tempat untuk menjual kraf tangan tersebut. Tapak jualan disediakan oleh Perbadanan Kemajuan Kraf Tangan dan Pelancongan seperti dalam tapak pameran. Perbadanan Kemajuan Kraf Tangan juga memerlukan tukang kraf dan pemborong untuk memajukan industri hasil warisan negara. Oleh itu, ketiga-tiga badan ini memainkan peranan penting dalam pengurusan seni kraf tradisi di Sabah.

TUKANG KRAF

Pada kebiasaannya, penghasilan setiap jenis kraf dilakukan secara persendirian oleh individu-individu yang mempunyai kemahiran dalam penghasilan kraf. Individu yang menghasilkan kraf tersebut disebut sebagai tukang kraf (seperti yang digambarkan pada Rajah 3). Kraf tangan yang dihasilkan oleh tukang kraf merupakan satu warisan dan budaya yang diwarisi secara turun-temurun dalam sesebuah keluarga. Pada masa dahulu, proses pengajaran dilakukan secara

tidak formal melalui pembelajaran lisan, iaitu si anak membantu ibu bapanya untuk menghasilkan kraf. Si anak pula mengalami proses pembelajaran dan dia juga menurunkan ilmu tersebut kepada anak-anak serta generasinya. Kraf tangan dahulunya dihasilkan untuk kegunaan sendiri ataupun dijual secara pertukaran barang dengan etnik yang lain. Cara penghasilan produk kraf diamalkan secara persendirian dalam kalangan ahli keluarga.



Rajah 3. Tukang Kraf Anyaman

PENGUSAHA KRAF

Pengusaha kraf ialah individu yang membeli produk kraf yang dihasilkan oleh tukang kraf. Sebagai contoh dalam Rajah 4, pengusaha kraf biasanya membeli produk kraf tangan secara borong dengan harga yang lebih murah. Cara mereka berurus niaga dengan tukang kraf adalah melalui tempahan, iaitu tukang kraf menetapkan harga lebih awal kepada pengusaha kraf. Jika kedua-dua pihak bersetuju dengan harga dan kuantiti produk kraf yang diminta maka, urusan niaga akan berjalan lancar. Seterusnya mereka menetapkan perjanjian tentang tarikh penyerahan produk kraf dan pembayaran dilakukan. Pada kebiasaannya, tukang kraf membawa produk kraf ke pasar tamu untuk diberikan kepada pembeli yang telah menempah. Pembayaran dilakukan selepas produk kraf bertukar tangan (Shaladdin, Wan dan Muhammad Abi, 2011).



Rajah 4. Penjual dan Pemborong (Pengusaha Kraf)

PERBADANAN KEMAJUAN KRAFTANGAN

Perbadanan Kemajuan Kraf Tangan merupakan satu badan yang ditubuhkan di bawah Lembaga Kraf Tangan Malaysia yang ditubuhkan pada 14 Mei 1973. Dalam usah untuk meningkatkan industri kraf tangan tempatan, Perbadanan Kemajuan Kraf Tangan Malaysia atau Kraf tangan Malaysia telah ditubuhkan pada 1 Oktober 1979 di bawah akta 222. Menurut sejarah,

kedudukan geografi menjadikan Malaysia sebagai satu laluan perdagangan utama dunia. Faktor geografi tersebut berperanan membentuk keperibadian hasil ketukangan kraf tangan negara. Pedagang-pedagang asing membawa hasil dagangan bersama budaya yang mewarnai rupa bentuk kraf tanah air.

Pada hari ini, Perbadanan Kemajuan Kraf Tangan telah menjadi penaung kepada pengusahapengusaha kraf tangan dan berperanan penting dalam memajukan industri kraf seperti dalam Akta 222, iaitu (i) Memajukan dan menggiat dan memulihkan kemahiran dan ketukangan tradisional, (ii) Memajukan dan menggiatkan perkembangan dan memelihara standard, perusahaan Kraf tangan dengan berbagai cara, termasuk mengadakan perkhidmatan penulis, penasihat dan pengembang, (iii) Memandu, mengorientasi dan membantu tukang-tukang yang ada sekarang ke arah penggunaan caracara moden pengeluaran, pengurusan dan pemasaran (iv) Mengawal, meninggikan dan memperbaiki kualiti dan menyenggara standard dan keluaran-keluaran kraf tangan untuk pasaran tempatan dan luar negara; dan (v) Memajukan pemasaran dan pengeksportan keluaran-keluaran kraf tangan.

Di Sabah, Perbadanan Kemajuan Kraf tangan telah membuka cawangan kraf tangan di semua daerah untuk memenuhi keperluan industri kraf desa selaras dengan perannya. Di setiap cawangan kraf tangan, terdapat pakar-pakar yang mahir dalam bidang penghasilan kraf tangan. Pakar-pakar yang mahir biasanya telah mendapat kursus dan diambil bekerja dalam bidang kraf tangan untuk memberikan kursus kepada anak-anak muda yang lain. Selain itu, cawangan kraf tangan tersebut wajib mengeluarkan produk jualan dan menghantar pengusaha kraf apabila adanya pameran dan promosi kraf tangan diadakan.

SENI KRAF TRADISI ETNIK DUSUN TINDAL

Etnik Dusun Tindal terkenal dengan hasil seni kraf sulaman terutama dalam penghasilan pakaian tradisi. Keunikan reka bentuk dan aksesori pakaian etnik Dusun Tindal dapat dilihat pada corak sulaman yang menghiasi pakaian tersebut. Pakaian tradisi etnik Dusun Tindal mempunyai tiga jenis iaitu *sinipak*, *rinagang* dan *sinuranga*. Ketiga-tiga jenis pakaian ini mempunyai reka bentuk dan corak sulaman manik yang sangat menarik (Jadual 1 (i)).

Selain seni sulaman, etnik Dusun Tindal juga mempunyai anyaman kraf tradisi. Produk kraf anyaman yang dihasilkan oleh etnik Dusun Tindal adalah berasaskan bahan alam semula jadi seperti rotan, bambu dan kayu dan kulit kayu. Produk kraf anyaman tradisi etnik Dusun Tindal terdiri daripada lapan jenis iaitu bakul *nurod*, *sisiri*, *kinulung*, *sirung*, *barait*, *karansang*, *wakid*, dan *basung* (Jadual 1 (ii)). Selain kraf sulaman dan anyaman, terdapat beberapa kraf lain seperti kraf *sompoton*, kraf *kobog* dan tembikar *kuron* (Jadual 1 (iii), (iv) dan (v)). Kraf tradisi ini juga dihasilkan dengan bahan alam semula jadi seperti bambu, rotan, kulit kayu dan tanah liat. Kraf berasaskan sumber alam tersebut dihasilkan untuk kegunaan aktiviti harian etnik Dusun Tindal seperti mengangkut dan menyimpan barangan harian. Penghasilan produk ini juga dipercayai kerana tuntutan keperluan hidup serta budaya pemikiran dan kearifan masyarakat Tindal sejak turun-temurun (Salbiah Kindoyop, Humin Jusilin & Noria Tugang, 2019).

Jadual 1. Kategori Seni Kraf Tradisi Etni Dusun Tindal



Sinipak




Rinagang



Sinuranga

(i) Seni Kraf Sulaman



Nurod



Sisiri



Kinulung



Sirung



Barait



Karansang



Wakid

Basung

(ii) Kraf Anyaman



(iii) *Sompoton*

(vi) *Kuron pottery*



(vii) Kraf kulit kayu (*kobog*)

Penghasilan produk kraf etnik Dusun Tindal memerlukan proses yang rumit dan kemahiran yang tinggi. Seorang tukang kraf perlu ada kesabaran dan kreativiti dalam menghasilkan produk yang berkualiti. Bagi etnik Dusun Tindal, hasil produk kraf yang dijual boleh menjadi pendapatan sampingan mereka. Pada kebiasaannya, produk-produk kraf mereka dijual di tamu minggu Kota Belud yang diadakan pada setiap hari Rabu dan Ahad. Hasil jualan dapat mendorong tukang kraf untuk terus menghasilkan produk kraf tangan. Harga setiap produk kraf mempunyai dua peringkat harga iaitu, harga kepada pembeli dan harga kepada pemborong. Harga pembeli lebih mahal daripada harga pemborong kerana jumlah produk yang dibeli oleh pemborong adalah lebih banyak. Sebagai contoh, satu buah bakul *kinulung* dijual dalam RM10 hingga RM15 kepada pembeli, manakala RM5 hingga RM8 untuk harga pemborong. Harga bakul *kinulung* boleh berubah mengikut kehendak si penjual.

Kota Belud sememangnya terkenal dengan tamu minggu yang terletak di tebing sungai Tempasuk yang menjadi pusat pertukaran dan jualan barang-barang harian seperti sayur-

sayuran dan buah-buahan. Kewujudan Tamu telah dikesan pada tahun 1840 oleh pengembara Inggeris yang bernama Spencer St. John dalam catatannya yang menceritakan tentang pertukaran barang antara masyarakat Bajau dan KadazanDusun (Laupa, 2000). Etnik Dusun Tindal memanggil tamu sebagai *badih* dan etnik Bajau memanggil sebagai *Semio*. Kedua-dua etnik ini merupakan penduduk majoriti di daerah Kota Belud.



Rajah 5. Suasana Tamu Minggu

PROMOSI DAN PENJUALAN SENI KRAF TRADISI

Perbadanan Kemajuan Kraf Tangan. Promosi melalui pameran dan penjualan merupakan satu aktiviti yang memberi impak besar kepada hasil produk kraf tangan. Melalui aktiviti ini, hasil kraf tangan dapat dipasarkan secara terbuka dan para pembeli serta pelancong dapat melihat keunikan hasil kreativiti kraf tempatan. Oleh itu, Perbadanan Kemajuan Kraf Tangan melakukan aktiviti tersebut dengan menganjurkan pameran dan penjualan produk kraf tangan yang kerap di pusat membeli belah yang menjadi tumpuan orang ramai.





Rajah 6. Promosi Kraf Anjuran Perbadanan Kemajuan Kraf Tangan

Promosi dan jualan seni kraf tradisi Sabah dilakukan setiap tahun. Penjualan produk kraf anyaman semakin meningkat dengan penglibatan masyarakat tempatan dalam bidang industri kraf tangan. Penduduk tempatan seharusnya didedahkan dengan perniagaan kraf tangan kerana bidang ini boleh menjana pendapatan dan boleh mengekalkan warisan yang dihasilkan oleh nenek moyang secara turun-temurun.



(i)



(ii)



(iii)

Rajah 7. Koleksi Pameran dan Jualan kraf Anyaman

Secara keseluruhannya, pengurusan seni kraf tradisi di Sabah pada hari ini adalah disebabkan oleh usaha-usaha pengiat kraf yang masih berusaha meneruskan perusahaan kraf di samping usaha dan peranan yang dijalankan oleh Kerajaan. Jika diamati, masih banyak kekurangan dan kelemahan yang berlaku dalam usahan membangunkan industri ini terutamanya dari segi pengurusan. Oleh itu, analisis strategi pengurusan kraf yang telah dibincangkan diharapkan dapat membuka mata audien dan generasi muda sendiri untuk menyokong usaha kerajaan dan pengusaha kraf dalam meningkatkan perkembangan seni kraf tradisi. Penghasilan seni kraf tradisi adalah bermula daripada tukang kraf yang semakin pupus di kalangan masyarakat di Sabah. Para pengusaha yang membeli dan menjual hasil kraf tersebut juga tidak diminati oleh golongan muda. Oleh itu, kerajaan haruslah memberi perhatian penuh terhadap masalah ini. Strategi pengurusan telah dibincangkan dan hanya menunggu masa untuk melaksanakannya.

PENUTUP

Pengurusan seni kraf tradisi etnik Dusun Tindal di Sabah telah dibincangkan secara menyeluru dalam artikel ini. Seni kraf tradisi merupakan simbol budaya dan keunikan di negeri Sabah yang patut dibanggakan. Hasil seni kraf tradisi etnik Dusun Tindal juga terhasil dari pemikiran kreatif yang diwarisi sejak turun temurun. Kepelbagaian hasil seni kraf telah direalisasikan akibat tuntutan terhadap keperluan dalam utiliti harian. Tambahan pula, kawasan persekitaran mereka yang kaya dengan hutan dan bahan semula jadi memudahkan mereka untuk meneruskan tradisi pembuatan kraf tangan. Pembuatan kraf tangan adalah transformasi budaya yang sekali gus menggambarkan pemikiran dan falsafah masyarakatnya. Secara keseluruhannya, seni kraf tradisi etnik Dusun Tindal memaparkan keunikan budaya melalui kraf sulaman pakaian tradisional, kraf anyaman dan tradisi tembikar *kuron* yang diturunkan secara turun-temurun. Warisan tradisional ini sewajarnya dipelihara dan dilestarikan dalam kalangan generasi baharu.

RUJUKAN

- Alman, J. N. (1961). Arts and Craft in North Borneo. *Oversea Education* 33: 62-68.
- Chek, M. (2007). Pengurusan Imej. Selangor Darul Ehsan: Lohprint Sdn. Bhd.
- Christine, W. (1993). Cultural Image of Sabah Malaysia. Sabah Tourism Promotion Corporation.
- Elizabeth, L. & John, A. (1963). Handcraft in North Borneo. Jesselton: Printed at Sabah Publishing House.
- Ismail, I., & Jane, W. (Pynt.). (2002). Warisan Seni Etnik Sabah. Kota Kinabalu: Universiti Malaysia Sabah.
- Laupa, J. (2000). Persona Kota Belud. Kota Kinabalu: Kerah Handal Sdn.Bhd
- Salbiah Kindoyop, Humin Jusilin & Noria Tugang. 2019. Kearifan Dan Konsep Rekaan Kraf Anyaman Warisan Dusun Tindal Di Sabah. *Gendang Alam Jurnal of Arts* Jilid 9.
- Shaladdin, M. M., Wan, A. A., & Muhammad, A. S. (2011). Usahawan Kraf di Malaysia: Analisa Laluan Terhadap Perhubungan Inovasi Produk, Komitmen Perniagaan dan Perkembangan Perniagaan. *Prosiding Perkem Vi*, Jilid 2 (208-217) Issn: 2231-962x.
- Zafir, M. M., & Fazilah, M. M. (2003). Asas Pengurusan Perniagaan. Petaling Jaya: Leeds Publications.

INFORMAN

- Luyah Sungkoling, 65 tahun, Kampung Tambatuon Kota Belud, Bekas kakitangan Kraftangan cawangan Kota Belud. Temu bual pada 24 Jun 2017.
- Ludin bin Lakasan, 58 tahun, Kampung Tuguson Kota Belud, Pembuat Kraf Tangan. Temu bual pada 4 September 2016.
- Jupin Masibil, 56 tahun, Keningau, Pengusaha kraf. Temu bual pada 15 Jun 2017.
- Sigim Binti Dalani, 72 tahun, Kampung Bukid, Kota Belud Sabah, pembuat kraftangan. 2 Mac 2022.